

## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Nationgate Technology (M) Sdn. Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth atas dua pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian rupa daripada merekodkan dengan sempurnanya keluaran atau penggunaan elektrik.

Pada 28 Januari 2019, Mahkamah Sesyen Butterworth telah mendapati bahawa pihak OKS bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan dan telah menjatuhkan hukuman denda RM 50, 000.00 bagi setiap pertuduhan. OKS telah merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen tersebut dan pada 1 Oktober 2019, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah menolak rayuan OKS dan telah mengekalkan sabitan. OKS kemudian telah merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut ke Mahkamah Rayuan.

Pada 28 September 2022 Mahkamah Rayuan sebulat suara memutuskan bahawa rayuan OKS ditolak dimana sabitan dan hukuman denda RM 50, 000.00 bagi setiap pertuduhan dikekalkan.